

OPERASI BERSEPADU KENDERAAN MOTOSIKAL DENGAN KERJASAMA IPK TRAFIK MELAKA

12 Januari 2023, MELAKA - Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan operasi kenderaan motosikal di Lebuhraya Ayer Keroh, Melaka dengan kerjasama Jabatan Siasatan dan Trafik IPK Polis Diraja Malaysia (PDRM) Melaka pada 6 Januari 2023 yang lalu.

Operasi kali ini memfokuskan penguatkuasaan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Motosikal) 1987. Maklumat operasi adalah seperti berikut :-

Ujian visual - 75 buah

Ujian meter - 7 buah

Notis Arahan - 6 Arahan

Kompaun - 6 Kesalahan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka komited untuk menangani aduan awam dan menyeru orang awam dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanKlim

#JabatanAlamSekitar

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#jasnegerimelaka